

# E. Robot KUKUM Curi Tumpuan

**Robot** gimik yang dihasilkan oleh Pusat Kejuruteraan, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) berjaya mencuri perhatian para peserta Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) semasa pelancaran buku 'Warga Perkasa: Ke Mana Selepas PLKN' yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 18 Mac 2005 lalu di Kem Cahaya Gemilang, Cherating, Pahang Darul Makmur.

Menurut Mohamad Ezral Baharudin, Pegawai Latihan Vokasional, KUKUM yang mengetuai kumpulan persembahan robot gimik tersebut, berkata, pembangunan robot tersebut yang mengambil masa selama dua minggu untuk dibangunkan telah mendapat

pembiayaan sepenuhnya dari Yayasan Pendidikan Prihatin Malaysia (YPPM).

"Yayasan Pendidikan Prihatin Malaysia telah meminta Pusat Kejuruteraan KUKUM untuk membangunkan robot tersebut bagi tujuan gimik pembukaan. Hasil perbincangan dengan Encik Abdul Rahman, Pengarah Pusat Kejuruteraan KUKUM, kami telah mendapat idea untuk membangunkan robot tersebut dan satu pasukan telah dibentuk dengan dianggotai oleh empat orang warga kerja KUKUM," ujar beliau.

Semasa pelancaran, robot gimik yang telah dibangunkan sepenuhnya oleh Pusat Kejuruteraan KUKUM itu telah membawa buku pelancaran untuk diserahkan kepada Dato' Seri Najib.

